

Newspaper	Berita Harian
Date	8 March 2016

Dr M tak kuat, perlu bantuan pembangkang

BH- 8/3/2016

Kuala Lumpur: Pakatan Harapan menjelaskan Tun Dr Mahathir Mohamad memerlukan sokongan mereka untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak kerana bekas Perdana Menteri itu tidak kuat.

Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata dakwaan pembangkang lemah dan memerlukan Dr Mahathir adalah tidak benar.

"Dr Mahathir tidak kuat dan

beliau perlukan bantuan kita," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Bangunan Parlimen, semalam.

Beliau ditanya mengenai dakwaan pembangkang tidak berupaya untuk menggulingkan Najib dan memerlukan bantuan bekas Perdana Menteri itu untuk berbuat demikian.

Pada sidang media bersama pimpinan tertinggi DAP dan Parti

Amanah Nasional (PAN), Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad turut mempersoalkan jumlah Ahli Parlimen BN yang bersama Dr Mahathir.

Jadi agenda utama

Dr Wan Azizah turut mengumumkan Pakatan Harapan menetapkan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai agenda utama yang dibawa bersama agenda reformasi lain dalam ge-

rakan menjatuhkan Najib yang diketuai Dr Mahathir.

Katanya, agenda itu adalah satu daripada tiga strategi yang dipersetujui, iaitu menuntut reformasi kerajaan, pembebasan Anwar dan menuntut Najib meletakkan jawatan.

"Perkara ini memang sudah disebut dalam deklarasi rakyat, Juara lalu seperti diumumkan Dr Mahathir. Majlis Presiden juga merestui kehadiran tiga pemimpin Pakatan Harapan pada majlis itu, Lim Kit Siang, Datuk Seri Azmin Ali dan Mohamad Sabu," katanya.

Ditanya deklarasi yang ditandatangani 58 orang itu tidak menyatakan dengan jelas pembebasan Anwar, beliau mempertahankan perkara itu ada disebut

secara tidak langsung dalam beberapa perenggan daripada 37 perkara deklarasi berkenaan.

Ditanya sama ada beliau sudah memaafkan Dr Mahathir berikutan sokongan terhadap gerakan menjatuhkan Najib yang diketuai bekas Perdana Menteri itu, Wan Azizah berkata, ia tidak menjadi isu kerana perjuangan mereka bukan untuk membalas dendam sebaliknya untuk negara.

Beliau turut mengumumkan pakatan itu akan menganjurkan perhimpunan 'Muafakat Selamatkan Malaysia' di seluruh negara dan bersedia berkongsi pentas dengan Dr Mahathir, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.